



## Kerajaan Perpaduan sediakan peruntukan besar untuk negeri ditadbir pembangkang

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Mac 29, 2023 @ 12:52pm  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Jumlah peruntukan bagi negeri yang ditadbir pembangkang lebih besar diberikan di bawah Kerajaan Perpaduan, berbanding ketika ditadbir pembangkang selama tiga tahun sebelum ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini antaranya dibuktikan melalui pelaksanaan projek tebatan banjir yang dilaksanakan di semua negeri yang terjejas, tanpa mengira sama ada ditadbir kerajaan atau pembangkang.

Justeru, katanya, tohmahan berterusan bahawa kerajaan sedia ada menekan negeri yang tidak menyokong kerajaan, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu adalah tidak benar sama sekali.

"Saya harap fitnah seperti ini dihentikan dan Dewan Negara boleh tunjuk contoh yang baik, di mana kritikan dan teguran dibenarkan, dan saya bersedia untuk membuat pindaan serta penyesuaian, tapi fitnah seperti ini tidak boleh diteruskan."

"Ini kadang-kadang daripada pemimpin besar, termasuk ketua parti yang menyatakan zalimnya Menteri Kewangan ini yang menindas, tidak beri atau melewatkhan atau mengurangkan peruntukan kepada negeri-negeri. Semua itu salah."

"Jadi, kalau kita guna hujah al-Quran, hadis dan berpakaian seperti seorang ulama tapi kalau kita buat kenyataan begini, tanggungjawab saya menjawab, bukan untuk menyerang ulama."

"Saya menerangkan bagi fakta yang salah kerana ini bertentangan dengan semangat tata kelola," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, hari ini.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membaca semula Belanjawan 2023 bertemakan 'Membangun Malaysia MADANI' untuk dibahaskan pada Persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen hari ini. - Foto BERNAMA